

Fajar Menyinsing

Pemandangan pentas:

(Babak pertama)

Halaman rumah Khalaf bin Wahab al-Jumbī, di penjuru halaman rumah itu terletak dua buah bangku panjang yang berukir-ukir. Di atas kedua-dua bangku itu terbentang tikar kroma¹ dan di atas tikar kroma itu terdampar permaidani-permaidani yang indah berwarna-warni. Pada sebuah penjuru yang lain kelihatan terdiri sebuah patung berhala Hubal. Pada masa itu di dalam waktu Asar.

Sewaktu tirai dibuka kelihatan Khalaf sedang duduk. Sejurus kemudian masuklah Rabāh -- seseorang hamba Habsyi hitam -- memikul sebuah kampil yang penuh berisi dengan biji-biji gandum yang belum dikisar.

(Terjemahan: Abdul Aziz al-Murshidi)

Rabāh: "Selamat petang tuan hamba!"	melimpahkan kurnia kepada hamba...	mimpi itu seolah-olah hamba
(Sambil meletakkan kampil gandum yang dibawanya itu ke lantai).	' <i>alā kulli hāl</i> hamba ucapkan ribuan terima kasih di atas kemurahan hati tuan hamba itu."	melihat sebuah padang pasir yang luas tetapi kering-kerontang, yang anehnya hamba rasa, hamba ada membawa benih-benih gandum untuk ditanam di tengah-tengah padang pasir yang kering tandus itu. Tiba-tiba dari jauh hamba ternampak sebuah sungai besar mengalir di tengah-tengah padang pasir yang luas saujana itu, hamba lihat aimya melembak-lembak naik sampai ke tebing sungai itu, di tepi tebing sungai itu kelihatan berdiri seorang lelaki yang bertubuh tampan dan tegap, dengan air mukanya yang jernih berseri-seri mengulum senyuman yang menawan hati setiap orang yang melihatnya. Lelaki itu menyeru dan memanggil-manggil orang ramai supaya datang ke sungai itu untuk mandi-manda dan mengambil airnya yang sejuk jernih itu.
Khalaf: "Selamat petang Rabāh! Adakah apa-apa berita baru yang engkau dengar?"	Khalaf: (Tersenyum simpul mendengar kata-kata pujian yang diucapkan oleh Rabāh kepadanya itu, kemudian dia pun bertanya): "Bagaimana kesihatanmu sekarang?"	Mendengar panggilan lelaki itu, maka berduyun-duyunlah manusia lelaki dan perempuan datang beramai-ramai dari segenap
Rabāh: "Tidak ada tuan hamba!"		
Khalaf: "Bagaimana dengan hasil tanaman-tanaman yang engkau jaga itu?"	Rabāh: "Al- <i>ḥamduli 'Lāh</i> , baik sahaja tuan hamba! Cuma kedatangan hamba ke mari ingin hendak menceritakan kepada tuan hamba suatu kejadian aneh yang telah berlaku di atas diri hamba malam semalam."	
Rabāh: "Al- <i>ḥamduli 'Lāh</i> , bagus tuan hamba! Ini ada hamba bawakan sedikit gandum yang baru diketam."	Khalaf: "Ha... kejadian apa itu?.. Cubalah ceritakan kejadian tersebut kepadaku!" (desak Khalaf ingin tahu).	
Khalaf: "Bagaimana pula kesihatan kambing dan unta yang engkau gembala itu?"	Rabāh: "Sebenarnya hamba telah bermimpi, tetapi mimpi hamba pada kali ini sangat ajaib sampai mengejutkan perasaan hati hamba. Dalam	
Rabāh: "Semakin membiak tuan hamba; pada minggu yang lalu kambing telah bertambah sepuluh ekor dan unta bertambah tiga ekor."		
Khalaf: "Bagus!.. bagus!.. untuk engkau aku hadiahkan seekor anak unta yang baru lahir itu."		
Rabāh: "Tuan hamba selalu benar		

¹ Perkkataan sebenarnya adalah kurma.

pelusuk kampung dan desa yang jauh menuju ke arah sungai yang mengalir di tengah-tengah padang pasir itu. Melihat keadaan itu maka hamba pun terus berlari-lari anak bersama-sama dengan orang ramai menuju ke tebing sungai itu, dengan tujuan untuk menghilangkan dahaga meneguk airnya yang jernih dan lazat itu.

Manakala tiba di pertengahan jalan anggota hamba berasa sangat letih, hingga tidak berdaya hendak meneruskan perjalanan menuju ke tebing sungai itu, akhirnya hamba jatuh tersungkur ke bumi dengan tidak sedarkan diri. Dalam masa hamba tidak sedarkan diri itu, hamba lihat suatu tubuh kecil keluar dari belakang hamba dan tubuh itu terus berlari menuju ke arah tebing sungai itu. Manakala tubuh kecil itu hampir sahaja tiba ke tebing sungai itu, maka dengan tiba-tiba ia hilang lenyap meninggalkan suatu cahaya yang gilang-gemilang...pada ketika itu hamba pun tersentak dan terus terjaga dari tidur hal mimpi hamba yang ajaib itu terus hamba ceritakan kepada seorang paderi di kampung hamba.”

Khalaf: “Habis apa kata paderi itu?” (Tanya Khalaf untuk mengetahui akan takbir mimpi itu).

Rabāh: “Kata paderi itu seorang nabi akhir zaman akan dibangkitkan Tuhan, dan nabi itu akan membawa satu agama baru dan menyeru manusia seluruhnya supaya beriman kepada Allah yang Maha Esa yang menurunkannya agama itu...tetapi kata paderi

itu dia sendiri tidak dapat mengetahui pokok-pokok ajaran yang dibawa oleh agama baru yang akan dipersampaikan oleh nabi akhir zaman itu. Menurut kata paderi itu lagi, anak hamba akan berjumpa dengan nabi itu dan akan beriman kepada ajaran-ajaran agama baru yang dibawanya itu.

Khalaf: “Ah,... jauhilah hatimu daripada mempercayai mimpi yang karut-marut itu!” (Katanya menasihati Rabāh).

Pada saat itu juga kedengaran bunyi pintu diketuk orang dari luar. Khalaf menyuruh Rabāh bangun membukakan pintu itu. Setelah pintu dibuka, maka tiba-tiba masuklah seorang lelaki yang telah separuh umur.

Khalaf: “Oh!.. Selamat datang.. selamat datang saudara Saḥīm ibn Saḥīl, apa khabar saudara? Sudah agak lama benar saudara tidak datang ke mari!”

Saḥīm: (Terus masuk ke dalam dengan diikuti oleh seorang wanita dari belakang. Wanita itu bertutup muka (memakai hijab).

Khalaf: (Sambil berjalan mengiring Saḥīm seraya berkata mengalu-alukan kedatangan sahabatnya itu). “Selamat petang sahabatku Saḥīm!”

Saḥīm: “Selamat petang wahai Saiyid Khalaf!” (Sambil ia mendakap badan Khalaf beberapa ketika).

Kemudian dia pun lantas memberi isyarat kepada perempuan itu menyuruh masuk ke dalam. Perempuan itu pun masuk dengan diperhatikan oleh Khalaf dan Rabāh dengan agak kehairanan.

Khalaf: “Siapakah perempuan yang engkau bawa itu Saḥīm?”

Saḥīm: (Memandang kepada Rabāh... pandangan Saḥīm itu difahami oleh Khalaf, yang mana Saḥīm tidak mahu menjawab pertanyaannya selagi ada orang lain di tempat itu. Maka Khalaf pun memberi isyarat supaya Rabāh keluar dari situ. Setelah Rabāh keluar, maka Saḥīm pun berkata: “Perempuan itu adalah seorang jariah kepunyaan tuan hamba.”

Khalaf: (Dengan berupa kehairanan lantas menjawab): “Apa kata tuan? Jariah itu kepunyaan saya?”

Saḥīm: “Ya benar sahabatku! Jariah itu kepunyaan tuan sekarang.”

Khalaf: “Oh, kalau begitu berapa harganya yang mesti saya bayar kepada tuan?”

Saḥīm: (Mendengar pertanyaan Khalaf itu, dia pun terus tersenyum seraya berkata): Kedatangan saya menjumpai wahai sahabat! Bukanlah sebagai seorang saudagar yang hendak memperjual-beli barang-barang perniagaan. Jariah itu adalah sebagai suatu hadiah tanda persahabatan di antara saya dengan tuan hamba...ataupun boleh juga dikatakan sebagai hadiah kenang-kenangan dari sahabat kepada sahabat.”

Khalaf: “Kalau begitu saya sangat menjunjung tinggi di atas keikhlasan tuan wahai sahabatku Saḥīm! Saya ucapkan ribuan terima kasih di atas budi

tuan itu.. tetapi siapa nama jariah itu?"

Sahīm: "Namanya ialah Ḥumāmah."

Khalaf: "Wah, cantik benar namanya itu, dari mana saudara dapat jariah itu... adakah saudara beli ataupun jariah pusaka dari orang tua?"

Sahīm: "Sebenarnya jariah itu berasal dari negeri Habsyah."

Khalaf: "Oh, dari negeri Habsyah! ... Tetapi saya tak pernah mendengar berita yang saudara pernah pergi ke negeri Habsyah.

Sahīm: "Kalau tuan mahu mendengar kisah bagaimana saya memperolehi jariah itu tentu ceritanya sangat panjang berjela-jela... tetapi biarlah saya ceritakan dengan secara ringkas sahaja."

Khalaf: "Itu lebih baik.. pepatah orang kita Arab ada mengatakan: "Seelok-elok perkataan itu ialah ringkas, tetapi memuaskan."

Sahīm: "Kisah jariah ini ada perhubungannya dengan kisah kedatangan Abrahah (Gabenor Habsyah di Yaman) yang menunggang gajah dengan bala tenteranya dengan niat hendak meruntuhkan bangunan al-Ka'bah di kota Mekah. Pada masa itu saya adalah salah seorang panglima perang di dalam bala tentera Quraisy yang diperintahkan keluar ke medan pertempuran untuk mempertahankan kesucian dan kemuliaan al-Ka'bah dari dicerobohi oleh Abrahah dan sekalian bala tenteranya setelah Abrahah dan sekalian bala tenteranya itu dapat ditewaskan oleh bala tentera Quraisy dengan bantuan daripada burung-burung Abābīl yang menggugurkan batu-batu bara api ke atas Abrahah dan angkatan perangnya, maka kami bala tentera Quraisy pun merondalah sambil merampas barang-barang tawanan dan membasmi baki-baki askar Abrahah yang cuba hendak melarikan diri mereka."

Khalaf: "Atas nama kebesaran berhala al-Lāta dan al-'Uzzā saya memuji dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas keberanian saudara mempertahankan kesucian dan kemuliaan al-Ka'bah itu."

Sahīm: "Terima kasih di atas tahniah tuan hamba itu." (Kemudian ia meneruskan ceritanya.) "Ketika saya sedang melarikan kuda dengan cepat untuk mencari sisa-sisa musuh yang hendak melarikan diri itu, tiba-tiba di tengah-tengah padang pasir yang dikelubungi oleh debu dan asap, saya terlihat sebuah sekedup yang indah permai; bertudungkan kain baldu biru laut, berlangirkan kain sutera merah jambu yang halus tipis, sedang menghingkuhkan di tengah-tengah padang pasir itu dengan dipandu oleh seorang abdi hitam yang bertubuh gempal dan tegap. Manakala pemandu sekedup itu melihat saya meluru datang merapatinya dengan pedang yang terhunus di tangan, maka ia pun terus turun dari sekedup itu merebahkan badannya ke tanah dan menyerah diri. Sewaktu saya tanya sekedup yang indah permai itu kepunyaan siapa, maka dengan rupa ketakutan si hamba hitam itu mengatakan bahawa sekedup itu adalah kepunyaan anak saudara perempuan kepada Abrahah yang datang ikut bersama ayah saudaranya untuk meruntuhkan al-Ka'bah. Manakala langsir sekedup itu saya singkap, maka saya dapati seorang wanita Habsyah yang berwajah comel dan manis, meskipun warna kulitnya agak hitam, tetapi paras tuan puteri Habsyah itu semakin bertambah cantik dipandang mata, sewaktu hatinya dilamun gelora ketakutan melihat warna air muka saya yang bengis dan garang itu. Kedua-dua orang tawanan Habsyah itu saya bawa pulang ke rumah saya, dan dengan sendirinya – menurut adat dan peraturan kita orang-orang Arab – kedua-dua orang tawanan perang itu menjadi hamba tebusan. Dari sejak hari itu saya memikirkan hal keadaan tuan puteri itu, hati kecil saya selalu membisikkan ke jiwa saya: "Tuan puteri tawanan itu bukannya hak milik saya, dan saya tidak mahu menjadikan dia sebagai gundik saya, saya lantas mengambil keputusan bahawa tuan puteri tawanan itu mestilah saya hadiahkan kepada salah seorang dari pemimpin-pemimpin kaum Quraisy yang terkemuka dalam masyarakat. Setelah puas memikirkan siapakah orangnya yang patut saya hadiahkan tuan puteri itu. Pada akhirnya datanglah ilham dari tuhan al-Lāta dan al-'Uzzā, bahawa diantara pemimpin-pemimpin Quraisy yang layak menerima hadiah tersebut, hanyalah tuan Khalaf

seorang sahaja. Dengan sebab itu maka saya pun datanglah ke mari untuk menyerahkan hadiah saya ini kepada tuan. Diharaplah tuan akan sudi menerimanya dengan perasaan hati yang gembira dan jujur ikhlas.”

Khalaf: (Dengan wajah yang berseri-seri lantas berkata): “Dengan perasaan yang tulus ikhlas, hadiah saudara itu saya terima dan saya ucapkan ribuan terima kasih.

Setelah dia bermenung sejenak maka dia pun berkata pula):

“Sesungguhnya dengan hadiahmu ini wahai Sahīm, bererti saudara dapat menyampaikan satu cita-cita yang selama ini saya idam-idami, untuk memiliki seorang jariah. Dengan hadiah yang sangat berharga ini, maka dapatlah kita sama-sama memperingati hari gugurnya Abrahah dengan sebab niat jahatnya hendak meruntuhkan al-Ka‘bah sebagai menjadi lambang agama bagi seluruh bangsa Arab. Sebenarnya kita seluruh bangsa Arab tidak begitu memberikan perkhidmatan yang besar terhadap al-Ka‘bah, kita hanya membiarkan al-Ka‘bah semata-mata di bawah penjagaan Tuhan yang menjadikannya.”

Sahīm: “Perkataan tuan itu sangat benar, kalau tidak dengan kawalan dan pemeliharaan yang rapi dari Tuhan yang menjadikannya, maka sudah tentu al-Ka‘bah itu dapat dibinasakan oleh Abrahah yang berhati busuk dan durjana itu.”

Khalaf: “Kalaulah Abrahah tidak menderhaka kepada rumah suci

al-Ka‘bah itu, saya fikir hingga sekarang pemimpin-pemimpin kaum Quraisy masih belum menyedari akan kelalaian mereka untuk menjaga dan mempertahankan kemuliaan rumah suci itu.”

Sahīm: “Ya,...kalau tidak dengan kesaktian burung-burung Abābīl yang diutus oleh Tuhan al-Ka‘bah untuk menghancurkan bala tentera Abrahah itu, entah apa yang telah terjadi di atas keselamatan rumah suci yang kita cintai itu.”

Khalaf: “Bersama-samalah kita bersyukur di atas pertolongan ghaib yang telah didatangkan oleh Tuhan al-Ka‘bah dari langit itu. *‘Alā kulli ḥāl* hadiahmu yang berupa tuan puteri tawanan dari negeri Habsyah itu adalah suatu peluang yang keemasan buat saya melepaskan geram hati saya di atas perbuatan durjana yang telah dilakukan oleh Abrahah selaku bapa saudara kepada tuan puteri itu.”

Sahīm: (Dengan berupa bimbang bertanya kepada Khalaf akan maksud perkataannya hendak melepaskan geram hatinya ke atas tuan puteri tawanan itu). “Akan tuan pengapakan pula akan tuan puteri tawanan yang saya hadiahkan itu... akan tuan bunuhkah dia?”

Khalaf: “Buat apa pula mesti saya bunuh?...Bukannya dia yang bersalah dalam soal ini!... Memadalah dengan cara diperhina dan dipersamakan darjat hidupnya dengan taraf kehidupan hamba-hamba abdi yang lain.”

(Bersambung)

Soal Jawab Ilmiah

S: Apa kota yang paling tinggi sekali didiami orang di dunia?

J: Kota “Lhasa” ibu negara Tibet. Tingginya kota itu ialah 15,100 kaki.

* * *

S: Apa hasil negeri Cuba yang terbesar?

J: Gula pasir.

* * *

S: Apa kemasyhuran rumah api Alexandra?

J: Rumah api Alexandra terkenal sebagai satu daripada keajaiban dunia yang tujuh.

* * *

S: Berapa tebal ukuran air salji yang menutupi pulau Greenland?

J: Pada setengah-setengah tempat sampai 10 ribu kaki ke bawah.

* * *

S: Apakah permainan kebangsaan bagi orang-orang Kanada?

J: Hoki.



Peristiwa penyerahan naskah perdamaian di antara Malaysia dan Indonesia yang telah diadakan di Bangkok pada bulan Jun 1966 dan disahkan di Jakarta pada

11 August 1966.